

## Pasaran Bul *lwn* Pasaran Bear

Pasaran bul dicirikan oleh rasa keyakinan dan pertumbuhan positif bagi pelabur. Sementara pasaran bear dikaitkan dengan momentum penurunan di pasaran.



### Apakah Perbezaan Antara Pasaran Bul dan Bear?

#### Apakah pasaran bul?



- ▶ Satu pasaran di mana harga saham semakin meningkat dan sentimen pelabur menggalakkan peluang pelaburan
- ▶ Apabila pasaran saham adalah 'bullis', ini menandakan bahawa ekonomi yang kukuh, stabil dan pengangguran adalah rendah
- ▶ Istilah 'bullis' diciptakan secara definisi sebagai kepercayaan bahawa pasaran sedang mengalami trend kenaikan harga

#### Apakah pasaran bear?

- ▶ Pasaran di mana harga saham sedang jatuh. Sentimen pasaran bear dianggap lemah, dicirikan oleh pesimisme pelabur dan keengganan untuk melabur
- ▶ Harga pasaran akan jatuh, mendorong perspektif pertumbuhan ekonomi yang negatif dan tidak stabil
- ▶ Istilah 'bearis' menandakan bahawa harga aset pasaran sedang jatuh dalam trajektori menurun



### Pasaran Bul

### Pasaran Bear

Keadaan Pasaran yang Meningkat

Keadaan Pasaran yang Merosot



#### Sentimen Pasaran

Sentimen pasaran diukur menggunakan beberapa petunjuk yang cuba mengukur sentimen. Petunjuk boleh digambarkan dalam bentuk angka, teknikal atau grafik, yang menilai pertumbuhan dan perkembangan pasaran masa depan.

Harga Saham Bernilai Tinggi

Harga Saham Bernilai Rendah



#### Penilaian Harga

Metrik penilaian harga membantu menentukan nilai saham atau pelaburan

Ekonomi Kukuh  
Perbelanjaan Pengguna Tinggi

Ekonomi Lemah  
Perbelanjaan Pengguna Rendah



#### Kestabilan Ekonomi

Kestabilan ekonomi merujuk kepada ketaktentuan ekonomi keseluruhan negara.

Tahap output dan inflasi adalah petunjuk penting dalam situasi negara.

Pengangguran Rendah

Pengangguran Tinggi



#### Kadar Pekerjaan

Kadar pekerjaan ditakrifkan sebagai nisbah pekerjaan kepada penduduk menurut Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD). Ia adalah nisbah statistik yang mengukur perkadaran penduduk umur bekerja sesebuah negara dengan bilangan orang dari penduduk yang bekerja. Kadar pekerjaan sangat sensitif terhadap kitaran ekonomi, oleh itu sering terdapat keperluan untuk melakukan penyesuaian bermusim dari segi pengukuran.

Respons Gambaran Pelabur Positif

Respons Gambaran Pelabur Negatif



#### Perspektif Pelabur

Perspektif pelaburan adalah faktor penting bagi pelabur untuk menilai, mengukur dan mempertimbangkan sebelum membuat keputusan pelaburan.

### PENAFIAN

Maklumat yang diberikan dalam infografik ini hanya untuk tujuan maklumat umum. Maklumat tersebut bukan merupakan nasihat undang-undang, kewangan, perdagangan atau pelaburan. Anda dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat dan/atau merujuk kepada undang-undang, peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah nasihat bergantungan kepada atau mengahmbil tindakan berdasarkan maklumat dalam infografik ini. Bursa Malaysia Berhad dan/atau kumpulan syarikat Bursa Malaysia tidak menerima sebarang liabiliti walau bagaimanapun timbul, termasuk sebarang liabiliti yang timbul akibat daripada sebarang keputusan yang dibuat berdasarkan maklumat ini.